

Empat lagi kawasan catat suhu tertinggi

Empat lagi kawasan dikenal pasti mencapai paras ambang gelombang haba iaitu di Ipoh dan Lubuk Merbau di Perak serta Batu Embun dan Temerloh di Pahang sejak kelmarin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, keadaan itu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak enam kawasan termasuk Alor Setar, Kedah

dan Chuping, Perlis yang mencapai atau melebihi suhu tertinggi harian iaitu 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut.

“Ahad lalu, suhu tertinggi dicatatkan adalah 38.5 darjah Celsius iaitu di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis.

“Pada tiga hari lalu, dua kawasan di Pahang dan Perak mencatat suhu

melebihi 37 darjah Celsius sekali gus meletakkan ia pada paras ambang gelombang haba,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kit Rumah Komuniti Bebas Denggi (KBD) kepada wakil komuniti yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail, di sini, semalam.